



NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 42 / 2023	Membaiki Dewan Orang Ramai Felda Jenkal, Bandar Tun Abdul Razak Jenkala, Maran, Pahang Darul Makmur.	Gred G1 Kategori Awam, Pengkhususan CE21,	RM20.00 (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/Bank Deraf) Atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Maran	12.10.2023 (Khamis) hingga 19.10.2023 (Khamis)	12.10.2023 (Khamis) hingga 19.10.2023 (Khamis)
MDM / SH / 43 / 2023	Pembinaan Peralatan Taman Permainan Yang Baharu Dan Lengkap Dataran Kejat Di Taman Maran Jaya, Maran, Pahang Darul Makmur.			Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini tidak diwajibkan.	8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Kontraktor hendaklah mengamalkan penjarakan sosial, kerap cuci tangan dengan air dan sabun / penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan bagi kontraktor yang berada di Luar Daerah Maran.
3. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah dan hanya penama syarikat sahaja** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta, **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PPK semasa membuat pembelian sebutharga.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **20 Oktober 2023 (Jumaat) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Sr MAZAITUN HANI BINTI ZAINON, PKT., MRISM.
Setiausaha
b.p Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

Tarikh : 29 September 2023